

## ANALISIS HADITH PENYAKIT BERJANGKIT: MENDEPANI CABARAN PASCA MODEN

Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi, Abdul Hakim Baharudin@Ismail, Muhammad Izzat Razali

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[nikmohdnabil@kuis.edu.my](mailto:nikmohdnabil@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Hadith Mukhtalif merupakan hadith maqbul yang seakan-akan bercanggah dan bertentangan dari segi makna zahirnya. Kesan daripada percanggahan tersebut menyebabkan kekeliruan dan salah anggap kepada hadith Rasulullah S.A.W. Lebih-lebih lagi di zaman era modenisasi dan perkembangan ilmu sains yang sangat rancak, jika lau di sana ada pertembungan di antara penemuan sains dengan hadith Rasulullah S.A.W, ia menjadi satu berita gembira buat musuh-musuh Islam. Ini akan memberi peluang keemasan kepada mereka untuk menghina dan memburukkan peribadi Rasulullah S.A.W dan hadith-hadith baginda. Kajian ini bertujuan menjelaskan isu perbezaan hadith bagi menghindari kekeliruan dan prasangka yang boleh menggugat keyakinan umum terhadap status sesuatu hadith. Di samping menjadi kekuatan kepada para muhaddithin khususnya dan para penuntut ilmu amnya dalam memberi maklum balas terhadap golongan liberalis yang sengaja menyandarkan hujah penolakan hadith (anti-hadith) menerusi isu perbezaan hadith. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dengan rekabentuk analisis kandungan karya-karya hadith dan ilmu-ilmu usul yang membahaskan persoalan percanggahan hadith. Dapatkan kajian ini menunjukkan kesemua hadith adalah sabit daripada Rasulullah S.A.W. Para ulama mempunyai pandangan masing-masing dalam berinteraksi dengan hadith-hadith tersebut yang mana kesemuanya dapat menyelesaikan kekeliruan sekaligus menafikan adanya percanggahan di antara hadith-hadith tersebut dan tiada perbezaan dengan penemuan-penemuan sains.*

**Kata Kunci:** mukhtalif hadith, penyakit berjangkit, fakta sains, kusta, perubatan.

### 1. PENDAHULUAN

Hadith diyakini oleh umat Islam sebagai sumber kedua ajaran agama Islam setelah al-Quran. Sebagai salah satu sumber ajaran Islam, secara prinsip hadith tidak mungkin bertentangan dengan dalil yang lain, baik dengan sesama hadith, dalil al-Quran maupun ijma'. Sebab kebenaran tidak akan bertentangan dengan kebenaran. Seandainya ada pertentangan, maka hal itu hanya kelihatan di luarannya sahaja. Bertitik tolak dari prinsip ini, maka timbul usaha para ulama untuk menyelesaikan persoalan ketika mendapati teks-teks hadith yang kelihatan saling bertentangan. Hadith-hadith yang kelihatan bertentangan ini biasanya disebut dengan istilah *Ikhtilaf* atau *Mukhtalif al-Hadith*. Berbagai hadith yang mukhtalif telah dikumpul oleh ulama dalam kitab-kitab khusus. Sejarah mencatat bahawa ulama yang mempelopori kegiatan ini adalah Imam al-Syafi`ie dengan karyanya *Ikhtilaf al-Hadith*. Disusuli kemudiannya oleh Ibn Qutaibah dengan kitabnya *Ta'wil Mukhtalif al-Hadith*. Seterusnya pula al-Thahawi dengan judul kitabnya *Musykil al-Athar*, kemudian Ibnu Khuzaimah, Ibn Jarir, Ibn al-Jauzi serta para ulama yang lain. Para ulama sepakat bahawa hadith-hadith yang kelihatan bertentangan harus diselesaikan sehingga hilanglah pertentangan itu. Cuma ulama berbeza pendapat dalam menyelesaikan pertentangan yang berlaku tersebut. Ilmu tentang Mukhtalif al-Hadith ini sangat penting diketengahkan kepada umum di dalam memahami as Sunnah al Nabawiyyah dengan kefahaman yang sebenar. Bidang Mukhtalif al-Hadith perlu diterjemahkan kepada masyarakat kerana dalam kerangka ilmu hadith ini para ulama Islam berupaya menyelesaikan banyak persoalan, percanggahan dalil-dalil syariat dengan mengutarakan beberapa disiplinnya tersendiri. Bertitik tolak dari kenyataan ini satu kajian dilakukan terhadap hadith tentang penyakit berjangkit. Kita seringkali didebak dengan pelbagai berita mengenai penyakit berjangkit seperti Hepatitis A,

Hepatitis B, Defteria, Pertusis, Tetanus, Campak dan berpuluhan penyakit lagi. Namun terdapat beberapa ungkapan hadith yang bercanggah pada zahirnya mengenai penyakit itu tidak berjangkit. Hal ini secara dinamiknya dilihat berlaku kontradiksi diantara hadith dan fakta sains.

## 2. HADITH –HADITH YANG BERCANGGAH

Disini disebutkan beberapa hadith yang kelihatan bercanggah dengan sesama hadith dan juga bercanggah dengan kaedah perubatan atau teknologi perubatan yang mana penyakit itu boleh berjangkit. Hadith-hadithnya ialah:

Nabi S.A.W telah bersabda :

لَا عَدُوٌ وَلَا طِيرَةٌ، وَلَا هَامَةٌ وَلَا صَفَرٌ، وَفِرْ مِنَ الْمَجْذُومِ كَمَا تَقْرُّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada (dibenarkan) tiyarah (sial)<sup>1</sup>, tiada sialan bulan Safar, tiada sialan burung hantu. Dan larilah (jauhilah) daripada orang yang terkena penyakit kusta seperti kamu lari daripada singa<sup>2</sup>.

Keterangan hadith ini:

dengan *difathah* (dibaris ataskan) huruf ‘ain nya. Mengikut al-kamus : Ia bermaksud kerosakan. Berkata al-Turbusti bahawa perkataan عدوی disini bermaksud “melampaui sesuatu penyakit dari pesakitnya kepada orang lain”. Jika dikatakan أعدی فلان iaitu mengjangkiti seorang itu seorang yang lain ( al-Mubarakfuri t.t).

Nabi S.A.W telah bersabda :

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا عَدُوٌ وَلَا صَفَرٌ وَلَا هَامَةٌ» فَقَالَ أَعْرَابِيٌّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَمَا بَالُ إِلَيْيِ؟ تَكُونُ فِي الرَّمْلِ كَأَنَّهَا الظِّبَاءُ، فَيَأْتِي الْبَعِيرُ الْأَجْرَبُ فَيَدْخُلُ بَيْنَهَا فَيُجْرِبُهَا؟ فَقَالَ: «فَمَنْ أَعْدَى الْأَوَّلَ؟» رَوَاهُ الزُّهْرِيُّ، عَنْ أَبِي سَلَمَةَ، وَسِنَانَ بْنَ أَبِي سِنَانٍ

Maksudnya: Bahawa Abu Hurairah R.A berkata: bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada sialan bulan Safar, tiada sialan burung hantu. Lalu berkata seorang Badwi: Wahai Rasulullah bagaimana pula unta yang sihat bagaikan rusa dipadang pasir, tetapi apabila ia bercampur dengan unta yang berkudis ia menjadi berkudis sama. Lalu jawab Baginda S.A.W: (Kalau begitu) siapa pula yang menjangkiti unta yang pertama.<sup>3</sup>

Keterangan hadith :

Hadith diatas dan juga potongan awal hadith yang pertama dilihat bercanggah dengan sains atau teknologi perubatan yang mengesahkan berlakunya jangkitan terhadap sesetengah penyakit. Ia juga dilihat bercanggah dengan hadith-hadith berikut:

لَا يُورِدُ مُمْرُضٌ عَلَى مُصِحٍّ

Maksudnya: Jangan diberi minum unta yang sakit bersama unta yang sihat<sup>4</sup>.

<sup>1</sup> Iaitu kepercayaan yang karut, menurut kepercayaan orang jahiliyyah apabila hendak melakukan perjalanan musafir mereka akan melepaskan seekor burung. Jika burung itu terbang kearah sebelah kanan rumah mereka, mereka gembira dan jika sebaliknya (ke kiri) mereka merasa sedih kerana beranggapan bahawa ia adalah suatu petunjuk yang tidak baik dan musibah seterusnya mereka menangguhkan perjalanan mereka.

<sup>2</sup> al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1422 (H). Sahih al-Bukhari. *Kitab al-Tibb. Bab al-Juzam.*

<sup>3</sup> al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1422 (H). Sahih al-Bukhari. *Kitab a-Tibb. Bab La Sofar Wa Huwa Da' Ya'khuzu al-Bathn.* Begitu juga didalam *Bab La 'Adwa*.

<sup>4</sup> Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. T.t .Sahih Muslim Kitab al-Salam. *Bab La 'Adwa Wa La Thiyarah Wa La Hamah Wa Sofar Wa La Nau' Wa La Ghaul Wa La Yuridu Mumrid 'ala Musih*

Begitu juga potongan akhir hadith yang pertama memberi gambaran bahawa penyakit itu boleh berjangkit. Sabda Nabi S.A.W:

وَفِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرَّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: Dan larilah (jauhilah) daripada orang yang terkena penyakit kusta seperti kamu lari daripada singa<sup>5</sup>. Sabda Baginda S.A.W lagi:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الشَّرِيدِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: كَانَ فِي وَفْدٍ ثَقِيفٍ رَجُلٌ مَجْدُومٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «إِنَّا قَدْ بَأْتُنَاكَ فَارْجِعْ

Maksudnya: Daripada Amru bin al-Syarid, daripada ayahnya berkata: Bahawa didalam kalangan rombongan Thaqif ada seorang yang mengidap penyakit kusta. Lalu Nabi S.A.W mengutuskan kepadanya dengan berkata: Sesungguhnya kami telah berbai'ah denganmu maka pulanglah kamu<sup>6</sup>.

## 2.1 Status Hadith-Hadith Yang Bercanggah

Untuk menentukan percanggahan itu berlaku ataupun sebaliknya, mestilah terlebih dahulu dilihat taraf atau status hadith tersebut. Ini kerana percanggahan yang dilihat secara zahir atau bersifat sementara ini adalah hanya berlaku pada hadith-hadith yang maqbul sahaja samaada bertaraf sahih ataupun hasan. Jika sekiranya berlaku percanggahan diantara hadith yang sahih dan hadith yang dhaif atau seumpamanya, maka ia bukanlah termasuk daripada perbahasan percanggahan hadith. Ini kerana jika kedua-duanya bercanggah maka hadith yang dijadikan hujah atau hukum adalah terdiri daripada hadith yang maqbul, dan hadith yang tidak maqbul atau dhaif tidak dikira bercanggah ketika itu dan tidak dapat menjadi hujah dan hukum. Sifirnya sangatlah mudah ketika itu. Oleh itu, percanggahan mestilah berlaku pada hadith yang berada pada kedudukan yang sama taraf atau kuatnya. Maka perbincangan disini adalah untuk melihat status hadith yang dilihat bercanggah pada masalah jangkitan penyakit. Hadith-hadithnya ialah:

لَا عَدْوَى وَلَا طِيرَةً، وَلَا هَامَةً وَلَا صَفَرً، وَفِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرَّ مِنَ الْأَسَدِ

Maksudnya: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada (dibenarkan) tiyarah (sial), tiada sialan bulan Safar, tiada sialan burung hantu. Dan larilah (jauhilah) daripada orang yang terkena penyakit kusta seperti kamu lari daripada singa<sup>7</sup>.

Status hadith: Hadith ini adalah sahih dan diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Sahihnya* di dalam kitab *al-Tibb* dengan lafaz yang pelbagai, Muslim di dalam *Sahihnya* di dalam kitab *al-Salam* dan lain-lainnya. Hadith di atas jelas menggambarkan penafian berlakunya jangkitan terhadap sesuatu penyakit. Perkataan لا عَدْوَى jelas memberikan maksud secara zahirnya tiada jangkitan penyakit. Penafian ini berbentuk umum yang merangkumi seluruh penyakit dan pesakit tanpa pengecualian. Begitu juga hadith:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا عَدْوَى وَلَا صَفَرً وَلَا هَامَةً» فَقَالَ أَغْرَابِيُّ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَمَا بَالُ إِلَيِّي، ثَكُونُ فِي الرَّمْلِ كَأَنَّهَا الظِّبَاءُ، فَيَأْتِيَ الْبَعِيرُ الْأَجْرَبُ فَيَنْخُلُ بَيْنَهَا فَيُجْرِبُهَا؟ فَقَالَ: «فَمَنْ أَعْدَى الْأَوَّلَ؟

Maksudnya: Maksudnya: Bahawa Abu Hurairah R.A berkata: bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: Tidak ada jangkitan penyakit, tiada sialan Safar, tiada sialan burung hantu. Lalu berkata seorang Badwi: Wahai Rasulullah bagaimana pula unta yang sihat bagaikan rusa

<sup>5</sup> al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1422 (H). Sahih al-Bukhari. *Kitab al-Tibb. Bab al-Juzam.*

<sup>6</sup> Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. T.t . Sahih Muslim. *Kitab al-Salam. Bab Ijtinab al-Majzum Wa Nawih.*

<sup>7</sup> al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1422 (H). Sahih al-Bukhari. *Kitab al-Tibb. Bab al-Juzam.*

dipadang pasir, tetapi apabila ia bercampur dengan unta yang berkudis ia menjadi berkudis sama. Lalu jawab Baginda S.A.W: (Kalau begitu) siapa pula yang menjangkiti unta yang pertama<sup>8</sup>.

Status hadith: Hadith ini juga sahih. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab al-Tibb. Hadith ini menguatkan lagi hadith yang pertama dan menjelaskan beberapa maksud yang dikehendaki daripadanya. Hadis diatas juga menggambarkan penafian Nabi S.A.W apabila dikatakan bahawa unta yang sihat apabila bercampur dengan unta yang sakit akan menyebabkan ia dijangkiti penyakit. Inilah apa yang dapat difahami daripada jawapan Nabi S.A.W dengan menimbulkan persoalan: unta yang pertama yang berpenyakit itu daripada mana ia berjangkit atau siapa pula yang menjangkitinya.

Hadith yang menunjukkan percanggahan maksud dengan hadith-hadith diatas. Diantaranya:

لَا يُورِدُ مُمْرَضٌ عَلَى مُصَحٍّ

Maksudnya: Jangan diberi minum unta yang sakit bersama unta yang sihat<sup>9</sup>.

Status hadith: Hadith ini berstatus sahih. Ia diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab yang sama, Muslim di dalam kitab yang sama, Abu Daud di dalam Sunannya dan lain-lain lagi. Hadith mengenai “jangan diberi minum unta yang sakit bersama unta yang sihat” jelas menunjukkan wujudnya unsur-unsur jangkitan penyakit. Dapat difahami daripada hadith ini bahawa Nabi S.A.W memerintahkannya agar penyakit itu tidak merebak.

Begitu juga dengan hadith Nabi S.A.W:

عَنْ عَمْرُو بْنِ الشَّرِيدِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: كَانَ فِي وَفْدِ ثَقِيفٍ رَجُلٌ مَجْدُومٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «إِنَّا قَدْ بَأْتُنَاكَ فَارْجِعْ

Maksudnya: : Daripada Amru bin al-Syarid, daripada ayahnya berkata: Bahwa di dalam kalangan rombongan Thaqif ada seorang yang mengidap penyakit kusta. Lalu Nabi S.A.W mengutuskan kepadanya dengan berkata: Sesungguhnya kami telah berbai’ah denganmu maka pulanglah kamu<sup>10</sup>.

Status hadith: Hadith ini juga berstatus sahih dan ianya diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya di dalam kitab al-Salam. Ia juga diriwayatkan oleh Ibn Majah. Hadith di atas menceritakan seorang yang berpenyakit kusta dikalangan rombongan Thaqif dan menunjukkan rasa bimbang bahawa penyakit kusta yang dihadapinya akan merebak atau berjangkit kepada orang lain. Ini dapat difahami daripada perintah Nabi S.A.W supaya dia segera pulang dan beredar setelah diterima bai’ahnya. Begitu juga dengan potongan hadith Nabi yang melarang orang yang mengalami penyakit taun agar tidak keluar daripada negeri atau tempatnya dan orang yang di luar negeri tersebut agar tidak memasukinya.

### 3. KAEADAH MENYELESAIKAN PERCANGGAHAN HADITH

Para ulama’ hadith telah menggariskan beberapa kaedah dalam menyelesaikan percanggahan hadith. Proses ini dikenali sebagai ‘Al-Taufiq’. Di antara kaedah yang disebutkan ialah:

<sup>8</sup> al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. 1422 (H). Sahih al-Bukhari. Kitab a-Tibb. Bab La Sofar Wa Huwa Da’ Ya’khuzu al-Bathn. Begitu juga didalam Bab La ‘Adwa.

<sup>9</sup> Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. T.t .Sahih Muslim Kitab al-Salam. Bab La ‘Adwa Wa La Thiyarah Wa La Hamah Wa Sofar Wa La Nau’ Wa La Ghaul Wa La Yuridu Mumrid ‘ala Musih

<sup>10</sup> Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. T.t . Sahih Muslim. Kitab al-Salam. Bab Ijtinab al-Majzum Wa Nawih.

### Kaedah *al-Jam'* u

Kaedah ini dilakukan dengan cara menyatukan ataupun menggabungkan dua hadith yang kelihatan saling bertentangan dan kedua-dua hadith tersebut mestilah sahih. Para ulama berpendapat kaedah ini lebih baik didahuluikan berbanding kaedah *tarjih*. Dalam salah satu kaedah fiqh menyatakan (عمل القول خير من إحمله) (mengamalkan suatu ucapan atau sabda itu lebih baik daripada membiarkannya untuk tidak diamalkan). (Abdul Mustaqim 2008: 88). Usaha menggabungkan kedua-dua hadith ini dapat dilakukan melalui beberapa jenis pendekatan yang lebih terperinci sebagaimana berikut (Hammad 1992: 146-188):

- i) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek pengertian lafaz (*madlul al-lafz*).
- ii) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek keadaan (*al-hal*).
- iii) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek tempat (*al-mahal*).
- iv) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek perintah dan larangan (*al-amr wa al-nahy*).
- v) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek umum dan khusus (*al-'am wa al-khas*).
- vi) Digabungkan dengan diterangkan perbezaan dari aspek *mutlaq* dan *muqayyad*.

Selain itu ulama turut menetapkan beberapa syarat bagi membolehkan kaedah menggabungkan kedua-dua hadith ini dilakukan, antaranya ialah (Hammad 1992: 142-145, al-Hafnawiyy 1987: 264-266):

- i) Hendaklah kedua-dua dalil tersebut sabit kehujahannya. Contohnya ta'arud antara dua hadith. Jika salah satu daripada dua hadith tersebut tidak sabit kehujahannya seperti hadith daif atau hadith shadh, maka secara sendirinya tidak berlaku percanggahan antara kedua-dua hadith tersebut.
- ii) Tidak membawa kepada pembatalan sebahagian atau keseluruhan sesuatu nas syarak. Apabila berlaku percanggahan antara dua dalil dan para mujtahid menggabungkan antara kedua-duanya dengan mentakwilkan salah satu daripada dalil-dalil tersebut sehingga menyebabkan kedua-dua dalil tersebut terbatal, maka ini tidak dikatakan sebagai *al-jam'*.
- iii) Pengumpulan atau penggabungan tersebut membawa kepada hilangnya pertentangan dan perbezaan antara kedua-dua hadith yang terlibat. Jika tidak berlaku demikian maka tidak boleh keadah *al-jam'* ini digunakan.
- iv) Kedua-dua hadith yang saling bertentangan berlakunya (*warid*) pada zaman yang sama. Jika berlaku pada zaman yang berlainan, maka ia beralih kepada kaedah *nasikh* dan *mansukh*.
- v) Hendaklah pengumpulan atau penggabungan tersebut dengan tujuan dan cara yang betul.
- vi) Sebahagian ulama menetapkan bahawa hendaklah kedua-dua dalil yang bercanggah itu sama kuat. Jika salah satu dalil lebih kuat berbanding dengan dalil yang satu lagi, maka ia telah menjadi proses *tarjih*. Syarat ini merupakan syarat *al-jam'* bagi mazhab Hanafi dan sebilangan daripada mazhab Syafi'e. Namun, jumhur ulama mengatakan bahawa persamaan dua dalil yang bercanggah itu tidak menjadi syarat kepada *al-jam'*. Hal ini boleh dilihat daripada petikan kata-kata Syeikh Jalal al-Din al-Mahalliyy bahawa antara penggunaan *al-jam'* dengan *al-tarjih*, maka penggunaan *al-jam'* lebih utama walaupun kedua-dua dalil itu tidak sama dari segi kekuatannya.

### Kaedah *al-Nasikh* dan *al-Mansukh*

Pendekatan ini dilakukan jika kaerah *al-jam'* tidak dapat dilakukan. Itupun jika data sejarah kedua hadith yang ikhtilaf dapat diketahui dengan jelas. Tanpa mengetahui *taqaddum* (yang terdahulu) dan *taakhur* (terkemudian) dari kedua-dua hadith itu, kaerah *nasakh* mustahil dapat dilakukan (Daniel Juned 2010: 130). Ini kerana pendekatan *nasakh* membawa kepada natijah menghapuskan hadith yang terlebih dahulu, kemudian mengamalkan hadith yang terkemudian datangnya. Sebagaimana kaerah *al-jam'*, para ulama turut meletakan beberapa syarat dalam proses *al-nasikh* dan *al-mansukh* ini, antaranya (Hammad 1992: 195-197):

- i) Hendaklah benar-benar wujud pertentangan antara dua dalil yang ingin dinasikh dan dimansukhkan, serta benar-benar kedua-duanya tidak mampu melalui kaerah *al-jam'*.
- ii) Tiap-tiap daripada dalil yang ingin dinasikh dan dimansukhkan itu merupakan suatu hukum yang sabit pada nas syarak.
- iii) Tidak melibatkan dalil atau hadith yang sememangnya telah *mansukh* disebabkan ianya dikaitkan dengan waktu-waktu ataupun tujuan-tujuan tertentu sahaja. Maka hadith-hadith tersebut secara automatik *termansukh* apabila luputnya waktu atau tujuan yang dimaksudkan.
- iv) Hadith yang menjadi *nasikh* itu merupakan hadith yang datangnya terkemudian.
- v) Tidak boleh dijadikan hadith yang terdahulu datangnya sebagai *nasikh*.
- vi) Hendaklah kedua-dua hadith berkenaan mempunyai kekuatan yang sama. Dimaksudkan dengan kekuatan tersebut ialah dari aspek sabitnya hadith-hadith tersebut dan juga kekuatan kedua-duanya sebagai sumber pendalilan.
- vii) Perkara yang dimansukhkan merupakan perkara yang harus seperti hukum-hukum syarak berkaitan amalan. Adapun hukum-hukum berkaitan akidah, akhlak dan kisah-kisah khusus, maka ianya tidak boleh dimansukhkan.

### Kaedah *al-Tarjih*

*Tarjih* dari segi bahasa bermaksud memberatkan dan menguatkan. Dalam Ilmu Usul bermaksud memberatkan atau menguatkan satu keterangan atau beberapa keterangan di antara keterangan-keterangan yang pada zahirnya kelihatan berlawanan. *Tarjih* adalah suatu usaha untuk menentukan sanad atau matan yang lebih kuat pada hadith-hadith yang kelihatan ikhtilaf. *Tarjih* merupakan usaha terakhir (untuk berpegang kepada salah satu hadith) yang mungkin dilakukan dalam menyelesaikan hadith-hadith mukhtalif ketika pendekatan *al-jam'* dan *nasakh* mengalami kebuntuan. Jika pada langkah terakhir ini perbezaan atau pertentangan tidak juga dapat diselesaikan, maka hadith-hadith tersebut dikira sebagai tidak boleh diamalkan (*tawaqquf*).

Maka di antara hadith-hadith yang pada zahirnya itu berlawanan, akan dipilih yang mana kuat menurut beberapa syarat sebagaimana berikut (Hammad 1992: 222-225):

- i) Kedua-dua hadith mempunyai persamaan terhadap pertentangan dari segi sabit dan hujah.
- ii) Kedua-dua hadith yang bertentangan benar-benar tidak mungkin melalui pendekatan *al-jam'*.
- iii) Tidak berlaku salah satu daripadanya *mansukh* dan yang lainnya sebagai *nasikh*.
- iv) Kedua-dua hadith tersebut bukanlah bersifat *dhanni*.
- v) Tidak berlaku salah satu daripadanya dalilnya bersifat *qat'i* dan yang lainnya bersifat *dhanni*.
- vi) Hendaklah individu yang ingin melakukan proses *tarjih* ini memenuhi syarat sebagai seorang mujtahid.

Manakala cara melaksanakan proses tarjih ini boleh dilakukan berdasarkan beberapa keadaan, sama ada berdasarkan keadaan sanad, matan ataupun faktor luaran sesuatu hadith yang terlibat. Secara terperincinya, aspek-aspek yang diambil kira dalam proses tarjih ini adalah seperti berikut (Hammad 1992: 228-286):

i) Keadaan Sanad (Jalan Hadith)

Keadaan sanad ialah jalan atau susur galur hadith iaitu individu-individu yang meriwayatkan hadith daripada baginda seperti yang tercatat dalam kitab-kitab hadith. Sanad yang terbaik dan terkuat tersebut akan dipilih sebagai yang *rajih*. Berikut merupakan beberapa faktor yang biasanya dilihat dan diteliti dalam proses mentarjih dari aspek sanad ini, iaitu:

- a) Hendaklah dipilih sanad yang diriwayatkan oleh ramai perawi daripada sanad yang diriwayatkan oleh perawi yang sedikit bilangannya. Hal ini demikian kerana bilangan perawi yang ramai menunjukkan keyakinan tentang kebenaran hadith tersebut.
  - b) Hendaklah dipilih daripada kalangan perawi yang lebih kuat dabit dan hafalannya serta yang mempunyai lebih bersikap berhati-hati dan berwaspada berbanding perawi yang lain.
  - c) Hendaklah dipilih perawi yang merupakan empunya kisah (*sahib al-qissah*) atau yang menyertai di dalam sesuatu kejadian yang dinyatakan kerana pada kebiasaannya dia lebih mengetahuinya.
  - d) Hendaklah dipilih sanad yang diriwayatkan oleh orang yang lebih faqih dan tinggi pengetahuannya, kerana dia lebih mengetahui maksud hadith yang diriwayatkannya.
  - e) Hendaklah dipilih hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang terkemudian memeluk Islamnya berbanding perawi yang lain.
  - f) Hendaklah dipilih hadith yang diriwayatkan melalui pendengaran berbanding yang lain.
  - g) Hendaklah dipilih riwayat yang tidak menggunakan perkataan “عَنْ” (dari), hal ini demikian kerana perkataan tersebut tidak menunjukkan bahawa perawi tersebut yang mendengar hadith itu daripada orang menceritakannya, kemungkinan dia mendengar dari orang lain, tetapi dia tidak mahu menyatakan nama disebabkan beberapa sebab.
  - h) Hendaklah dipilih hadith yang diperolehi secara musyafahah dan dilihat (musyahadah) berbanding dadith yang diperolehi dari sebalik tabir atau tirai.
  - i) Hendaklah dipilih sahabat yang banyak bergaul dengan Rasulullah SAW. kerana pada kebiasaannya lebih memahami berbanding perawi yang kurang bergaul dengan baginda.
  - j) Hendaklah dipilih dari kalangan perawi yang mempunyai sifat terpuji melalui pengalaman berbanding yang diketahui melalui pengkhabaran yang zahir.
  - k) Hendaklah dipilih perawi yang menghafal lafaz hadith daripada perawi yang mengingati makna sesuatu hadith.
  - l) Hendaklah dipilih perawi yang tetap hafalannya walaupun telah tua.
  - m) Hendaklah dipilih hadith atau riwayat daripada perawi yang menyatakan sebab sesuatu hadith atau riwayat yang dibawa oleh seseorang perawi.
  - n) Hendaklah dipilih riwayat orang yang telah baligh yang mendengar hadith daripada orang yang belum baligh.
- ii) Keadaan Matan (Isi hadith)

Matan ialah kandungan hadith atau kandungan riwayat iaitu pengkhabaran selepas orang yang menceritakannya. Sebagai contoh, sabda nabi SAW. adalah matan.Untuk memilih matan yang lebih kuat daripada matan yang lain, terdapat beberapa kaedah, antaranya ialah:

- a) Memilih kandungan hadith yang terpelihara daripada sebarang kecelaruan (*idtirab*).
- b) Memilih kandungan hadith yang mengandungi hikmah dan sebab ('illah).
- c) Memilih kandungan hadith yang mengandungi penegasan.
- d) Memilih kandungan hadith yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. secara bentuk nas dan juga perkataan
- e) Memilih kandungan hadith yang fasih bahasanya kerana kefasihan dapat menguatkan kepercayaan bahawa hadith tersebut diriwayatkan dari Nabi Muhammad s.a.w.
- f) Memilih matan yang menunjukkan maksud yang jelas daripada yang mengandungi sindiran.
- g) Memilih matan yang sesuai dengan bahasa yang digunakan dalam agama.
- h) Memilih matan yang tidak memerlukan bantuan keterangan daripada yang lain. Hal ini bermaksud matan yang jelas dan difahami.

iii) Kedaan Faktor Luaran

Kedaan luaran bermaksud perkara selain daripada yang dinyatakan di atas. Terdapat beberapa perkara berkaitan faktor luaran yang perlu dilihat ketika menggunakan pendekatan *tarjih* ini, antaranya:

- a) Hendaklah dipilih hadith yang selari dengan ayat al-Quran.
- b) Hendaklah dipilih hadith yang selari dengan hadith yang lain.
- c) Hendaklah dipilih hadith yang selari dengan *qias*.
- d) Hendaklah dipilih hadith yang selari dengan *khulafa' al-rasyidin*.
- e) Hendaklah dipilih hadith yang selari dengan amalan atau perbuatan penduduk Madinah (*ahl al-Madinah*).

Setelah diketahui syarat serta kaedah mentarjih sesuatu hadith, maka barulah boleh dilakukan proses *tarjih* terhadap hadith yang terlibat.

### **Kaedah *al-Tawaqquf***

*Tawaqquf* secara bahasa bererti mendiamkan atau menghentikan. Maksudnya adalah kita tidak mengamalkan kedua hadith yang kelihatan bertentangan sehingga ditemui adanya keterangan yang rasional untuk mengukuhkan hadith mana yang boleh diamalkan. (Abdul Mustaqim 2008: 98). *Tawaqquf* tidak boleh lagi dilakukan jika telah wujud atau datangnya keterangan serta bukti melalui penelitian ilmu pengetahuan, sains atau yang lain.

## **4. MENYELESAIKAN PERCANGGAHAN HADITH**

Perbincangan ini sebenarnya telah dibicarakan secara panjang lebar oleh para 'ulama silam di dalam kitab-kitab mereka. Namun jawapan mereka tidaklah sama di dalam mengutarakan penyelesaian terhadap hadith yang bercanggah ini. Secara umumnya, ada dikalangan mereka (ulama) yang menafikan berlakunya jangkitan penyakit berdasarkan zahir hadith yang pertama. Manakala ada dikalangan mereka yang mempunyai pandangan yang sebaliknya.

Secara terperincinya para ulama mempunyai jalan-jalan untuk menghimpunkan hadith-hadiah yang bercanggah di atas sepertimana berikut :

- i. Yang dimaksudkan dengan “tiada jangkitan” ialah tiada jangkitan secara semula jadi, tetapi Allah menjadikan pergaulan seorang yang berpenyakit dengan seorang yang sihat sebagai sebab kepada berlakunya jangkitan. Ini jalan yang diambil pendirian oleh Ibn al-Solah (al-Suyuti, 1996).
- ii. Penafian didalam hadith “لَا عَدُوٌّ” adalah bertujuan untuk menolak i’tiqad atau fahaman *Ashab al-Tabi’ah* (mereka yang beri’tiqad berlaku sesuatu dengan semulajadi). Ini kerana mereka berkeyakinan bahawa penyakit yang berjangkit itu memberi bekas atau kesan. Maka hadith ini datang bagi menjelaskan bahawa yang sebenarnya bukan seperti yang kamu sangkakan. Bahkan ianya terjadi dengan kehendak Allah, jika Ia berkehendak ia berlaku, jika sebaliknya ia tidak berlaku. Keterangan ini jelas ditunjukkan melalui hadith “فَمَنْ أَعْدَى الْأَوَّلَ” iaitu dengan maksud “jika sekiranya kamu berpandangan bahawa sebab pada penyakit itu adalah jangkitan bukan selainnya, maka siapakah yang menjadikan unta yang sakit itu berjangkit”<sup>11</sup>. Ia adalah pilihan Ibn Hajar al-‘Asqalani (al-Mubarafuri, t.t). Ia juga merupakan pandangan al-Nawawi. Juga al-Suyuti melihat kepada keterangan beliau seperti menyokong pandangan ini. Larangan daripada mendekati orang yang ditimpa penyakit ialah bertujuan untuk menyatakan bahawa ia adalah sebahagian daripada cara-cara Allah menjadikan atau menciptakan penyakit.
- iii. Bahawa penafian berjangkitnya penyakit itu kekal dengan keumumannya, dan perintah yang memerintahkan supaya menjauhi orang yang dijangkiti sopak adalah langkah jaga-jaga atau daripada *bab sad al-Zari’ah*, supaya tidak disangka bahawa penyakit itu berlaku dengan jangkitan ketika mana bertepatan takdir Allah dan waktu terkenanya penyakit kepada seorang yang sihat ketika berdekatan dengan yang sakit. Ini adalah pandangan Syeikh al-Islam (al-Suyuti 1996), al-Tahawi dan juga al-Tabari (ibn Hajar).
- iv. Menginghatkan berlakunya jangkitan pada sopak dan seumpamanya dan menganggapnya sebagai takhsis daripada keumuman penafian berjangkit. Ia memberi maksud “tidak ada jangkitan kecuali sopak dan seumpamanya”, seolah-olah Nabi bersabda: “tidak ada sesuatu yang dapat menjangkiti sesuatu kecuali apa yang telah aku jelaskan bahawa ia berpenyakit. Ini adalah jalan yang diambil atau dipegang oleh Abu Bakr al-Baqillani (al-Suyuti 1996) dan pandangan Ibn Battal.
- v. Perintah supaya menjauhi orang yang dijangkiti sopak untuk meraikan lintasan hati orang yang terkena sopak, kerana apabila dia melihat orang sihat semakin bertambah musibah dan penyesalannya terhadap dirinya. Ianya disokong oleh hadith Nabi S.A.W yang bermaksud: “Janganlah kamu berterusan melihat orang yang terkena penyakit sopak”<sup>12</sup>. Maka hadith ini diandaikan kepada maksud ini (supaya apabila dia melihat orang sihat semakin bertambah musibah dan penyesalannya terhadap dirinya) (al-Suyuti 1996).
- vi. Ada juga beberapa bentuk penyelesaian yang dicadangkan oleh Ulama berhubung hadith-hadith mengenai penyakit kusta secara khusus. Antaranya sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Hajar dalam Fath al-Bari: Hadith Jabir yang menyatakan bahawa Nabi S.A.W yang menyatakan bahawa Nabi S.A.W pernah makan bersama seorang pengidap penyakit kusta dan menegaskan, demi kepercayaan kepada Allah dan tawakkal. Berdasarkan kepada hadith ini Umar dan sebahagian salaf berpendapat boleh makan bersama pengidap kusta, dengan melihat bahawa suruhan menjauhi mereka (penyakit kusta) sebagai mansukh. Kata al-Qadi ‘Iyad: Sebenarnya dan menjadi pegangan ramai ‘Ulama hadith ini tidak mansukh. Sebaliknya kita perlu menyelesaikan antara dua

<sup>11</sup> Lihat hadith yang sebelum daripada ini.<sup>12</sup> Ahmad, Ahmad ibn Hambal. 2001. *Musnad Ahmad* . Lafaznya ialah : لَا تُدِيمُوا النَّظَرَ إِلَى الْمُجَدَّمِينَ

masalah ini dengan mengenakan maksud perintah menjauhi diri daripada pengidap kusta sebagai suatu yang digalakkan (istihbab) dan langkah berjaga-jaga, manakala makan bersama mereka sebagai keharusan sahaja (Rohaizan 2012).

- vii. Perkataan “لا عوى” ini ditujukan kepada orang yang kuat iman dan tawakkalnya, yang dapat menghindari diri daripada terjerumus ke dalam i'tiqad bahawa penyakit itu berjangkit. Dan tidak menjadi masalah kepada mereka untuk makan bersama dengan pengidap kusta. Adapun perintah supaya menjauhi pengidap kusta dituju kepada mereka yang lemah iman dan keyakinannya. Ini kerana dibimbangi mereka tergelincir didalam kepercayaan terhadap berjangkitnya penyakit ketika terkena penyakit itu selepas makan bersama. Maka bagi yang seumpama ini diarahkan menjauhi diri dari pesakit sebagai langkah hati-hati.

## 5. KESIMPULAN

Setelah melihat pendapat-pendapat yang diutarakan oleh para ulama, maka secara peribadinya penulis menghimpunkan beberapa pandangan-pandangan yang diutarakan. Pandangan yang dikemukakan oleh al-Baqillani dan Ibn Battal bahawa secara umumnya adalah penyakit itu tidak berjangkit, tetapi disana ada penyakit-penyakit yang boleh berjangkit. Ini dapat dilihat sendiri melalui realiti dan sains perubatan bahawa terdapat beberapa penyakit yang boleh berjangkit. Oleh itu Nabi S.A.W memerintahkan supaya menjauhkan diri daripada orang yang berpenyakit kusta. Namun kenyataan mereka bukanlah bermakna penyakit ini terjadi dengan sendiri atau berjangkit dengan sendiri, tetapi ia berlaku dengan kehendak Allah S.W.T. Maka pandangan yang dikatakan oleh Ibn Hajar dan al-Nawawi bahawa penafian jangkitan yang dinyatakan oleh Nabi S.A.W adalah untuk menolak dakwaan golongan yang beri'tiqad bahawa penyakit itu berjangkit secara semulajadi tanpa dikaitkan dengan kehendak Allah. Maka tidaklah ada percanggahan diantara kedua-dua pandangan ini, kerana kedua-dua pandangan ini boleh dihimpunkan. Apa yang disebut Ibn Hajar dan al-Nawawi adalah menjawab mengapa Nabi S.A.W menyatakan “tiada jangkitan”, adapun jawapan al-Baqillani dan Ibn Battal adalah untuk menjawab mengapa Nabi S.A.W memerintahkan supaya menjauhi orang yang berpenyakit kusta dan menjawab mereka yang mengatakan tiada jangkitan secara mutlak kerana bercanggah dengan realiti.

Sebenarnya jawapan Ibn Hajar sendiri menyokong pandangan yang menyatakan terdapat jangkitan pada beberapa penyakit. Begitu juga pandangan Ibn Solah selari dengan ulama yang disebut diatas. Adapun pandangan yang menyatakan tiada jangkitan secara mutlak, bercanggah dengan hadith-hadith yang menunjukkan berlakunya jangkitan dan berlawanan dengan fakta sains. Jika mereka mengambil jalan dengan dinasakhkan hadith yang bercanggah maka jalannya membawa kepada pensia-siaan terhadap hadith-hadith yang berkaitan. Dan jalan ini tidak selamat. Oleh itu jalan yang lebih selamat ialah dengan menghimpunkan hadith-hadith yang kelihatan bercanggah dengan pengertian yang telah kami jelaskan.

## 6. RUJUKAN

- 'Abd al-'Aliy Muhammad Ibn Nizom al-Din al-Ansari al-Hindi. (1998). *Fawatih al-Rahamut*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Abu 'Abd Allah Ahmad Ibn Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahamed Ibn Hambal*. Muassasah al-Risalah.

- Abu al-Husain Muhammad Ibn 'Aliy Ibn al-Tayyib al-Mu'taziliy. (t.t). *al-Mu'tamad Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim al-Mubarakfuri. (t.t). *Tuhfah al-Ahwazi Bi Syarh Jami' al-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Bakr Muhamamad Ibn Ahmad al-Sarakhsy. (1997). *Usul al-Sarakhsy*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Ishaq Ibrahim Ibn 'Ali al-Syirazi. (1995). *al-Luma' Fi Usul al-Fiqh*. Dimasyq: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Abu Ishaq Ibrahim Ibn Musa al-Syatibi. (1421H). *al-Muwafaqat*. Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah: Dar Ibn 'Affan.
- Abu Muhammad Abd ALLah Ibn Muslim Ibn Qutaibah. (1999). *Ta'wil Mukhtalif al-Hadith*. t.t: al-Maktab al-Islami.
- 'Ala' al-DIn 'Abd al-'Aziz Ibn Ahmad al-Bukhari. (1997). *Kasyf al-Asrar 'An Usul Fakr al-Islam al-Bazdawi*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Baru, R. (2012). *Wacana percanggahan hadith*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press SDN. BHD.
- Fakr al-Din Muhammad Ibn 'Umar Ibn Husain al-Razi. (1992). *al-Mahsul Fi 'Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Fath al-Din Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. (2012). *Musykil al-Hadith Dirasat Ta'siliyyah Mu'asirah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hafiz Firdaus. (2003). *Kaedah Memahami Hadith-Hadith Musykil*. Johor baru: Jahabersa.
- Hujjah al-Islam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali. (1971). *Syifa' al-Ghalil Fi Bayan al-Sabah Wa al-Mukhil Wa Masalik al-Ta'lil*. Baghdad: Mitba'ah al-Irsyad.
- Hujjah al-Islam Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali. (1996). *al-Mustasfa Fi 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Imam al-Haramain Abu al-Ma'ali Abd al-Malik Ibn Abd Allah al-Juwaini. (1992). *al-Burhan Fi Usul al-Fiqh*. al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Jalal al-DIn Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti. (1996). *Tadrib al-Rawi Fi Syarh Taqrib al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Jamal al-Din 'Abd al-Rahim Ibn al-Hasan al-Isnawi. (2004). *al-Tamhid Fi Takhrij al-Furu' 'Ala al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jamal al-DIn 'Abd al-Rahim Ibn al-Hasan Ibn 'Ali Ibn 'Umar al-Isnawi. (2008). *Nihayah al-Sul Fi Syarh Minhaj al-Usul*. Kaherah: Dar al-Faruq.
- Jamal al-Din Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman Ibn 'Aliy. (n.d.). *Kasyf al-Musykil Min Hadith al-Sahihain*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Muhammad Ibn al-Hasan al-Asbahani. (1985). *Musykil al-Hadith Wa Bayanuh*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Muhammad Ibn Idris al-Syafi'e. (1979). *al-Risalah*. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Muhammad Ibn Idris al-Syafi'e. (1990). *khtilaf al-Hadith*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad ibn Ismail al-Bukhari. (1422H). *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuq an-Najah.
- Muslim ibn Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Nafais al-Usul Fi Syarh al-Mahsul. (1995). *Syihab al-DIn Abu al-'Abbas Ahmad Ibn Idris Ibn 'Abd al-Rahman al-Sohnaji*. Makkah: Maktabah al-Nazzar Mustafa al-Baz.
- Saif al-Din 'Ali Ibn Muhammad al-Amidi. (1402H). *al-Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. Beirut: al-Maktab al-Islamiy.
- Sheikh al-Islam Abu Yahya Zakariyya al-Ansori al-Syafi'e. (2000). *Fath al-'Alam Bi Syarh Ahadith al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Syams al-Din Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad , Amir al-Haj. (1983). *al-Taqrir Wa al-Tahbir*. Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Taj al-Din Abu al-Nasr 'Abd al-Wahhab Ibn 'Ali al-Subki. (1999). *Raf' al-Hajib 'An Mukhtasar Ibn al-Hajib*. Beirut: 'Alim al-Kutub Li al-Tiba'ah Wa al-Nasyr.

Wahbah al-Zuhaily. (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Fikr.